

NOTIS WAJIBKAN INDIVIDU BUAT LAPORAN BAGI PENDAFTARAN

Dalam melaksanakan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 3 Akta Kerahan 1970, pihak berkuasa menghendaki setiap lelaki warga negara Singapura dan setiap lelaki Penduduk Tetap Singapura, yang lahir antara 1 Oktober 2006 hingga 1 Januari 2007 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) (yang disebutkan dalam pemberitahuan ini sebagai seorang pendaftar) perlu mendaftar untuk perkhidmatan negara.

Pendaftaran bagi perkhidmatan negara

2. Seseorang pendaftar mesti mendaftar bagi perkhidmatan negara antara 16 Ogos 2023 hingga 5 September 2023 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) —

- (a) menerusi dalam talian di <https://www.ns.sg>; atau
- (b) secara peribadi di Podium, Pusat Pangkalan Tenaga Manusia (CMPB) yang terletak di 3 Depot Road, Singapura 109680.

Pemeriksaan perubatan

3. Kecuali dimaklumkan oleh pihak berkuasa, setiap pendaftar mesti —

- (a) semasa mendaftar bagi perkhidmatan negara, memilih satu tarikh antara 27 September 2023 hingga 2 November 2023 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) untuk pemeriksaan perubatan; dan
- (b) menjalani pemeriksaan perubatan di CMPB pada tarikh yang dipilih antara 8 pagi hingga 1 tengah hari.

Tempat:	Pusat Pangkalan Tenaga Manusia CMPB-Podium 3 Depot Road Singapura 109680
Masa:	Isnin hingga Jumaat - 8 pagi hingga 5 petang Sabtu - 8 pagi hingga 1 tengah hari Tutup pada Ahad dan cuti awam
Pertanyaan:	1800-3676767
E-mel:	contact@ns.sg
Laman Utama:	https://www.ns.sg